

05 AUG 1996

Tenaga-Gangguan (Ulasan)

SEMUANYA DISEBABKAN SISTEM TRANSMISI PRIMITIF

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Malaysia, dengan segala kecanggihannya pada mata dunia sekarang, masih lagi dibekalkan dengan sistem transmisi tenaga elektrik yang boleh disifatkan sebagai primitif.

Hakikat itu sekali lagi terbukti pada hari Sabtu lepas apabila gangguan elektrik melumpuhkan seluruh Semenanjung, menyebabkan kerosakan dan kerugian yang tidak terhingga jumlahnya yang masih belum boleh dinilai lagi.

Adakah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie yang memberi penjelasan mengenai gangguan tenaga itu semalam, memikir yang semua orang dapat menerima penjelasannya itu.

Pengguna-pengguna tidak berminat untuk mengetahui bagaimana ia terjadi. Sudah tentu ada sebabnya.

Apa yang orang ramai mahu tahu ialah mengapa setelah bertahun-tahun melalui kemajuan elektrik moden, dengan usaha dan perbelanjaan yang bukan sedikit, sistem transmisi masih lagi ketinggalan sehinggakan kerosakan di gear suis dapat melumpuhkan seluruh semenanjung.

Para penganalisis berkata tidak terdapat kemajuan dalam perkhidmatan transmisi yang dibekalkan oleh TNB yang dapat dikesan sejak kejadian gangguan elektrik besar di Semenanjung pada 1992 yang disebabkan oleh kilat.

Mereka menganggap TNB gagal dengan serius daripada segi pengurusan kerana membenarkan tanah besar Malaysia berada di bawah sistem transmisi yang tidak cekap itu.

Juga susah bagi pengguna untuk yakin dengan kenyataan Leo Moggie bahawa sejak gangguan besar tahun 1992 itu, "beberapa cadangan" daripada perunding-perunding British telah dilaksanakan.

Soalannya, sekiranya cadangan-cadangan ini betul-betul dilaksanakan untuk menangani apa yang berlaku pada 1992, kenapa ia berlaku lagi, dan lebih teruk lagi?

Dan kali ini, sekali lagi Leo Moggie mungkin berada dalam "mood" untuk melantik perunding-perunding asing lagi.

Boleh jadi pada mesyuarat Kabinet Rabu ini, beliau akan mencadangkan supaya perunding bebas luar negara di lantik untuk "memberi nasihat".

TNB sendiri mempunyai beratus-ratus jurutera yang sangat terlatih yang biasa dengan sistem transmisi Grid Kebangsaan Malaysia -- yang telah memberi masalah pada masa lepas -- dan sekiranya mereka betul-betul profesional, mereka sudah tentu dapat mengatasi masalah ini tanpa menunggu satu lagi kejadian gangguan yang besar.

Inilah perkara yang cuba diperkatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam ketika beliau menegur pengurusan TNB.

Tidak syak lagi inilah kritikan Dr Mahathir yang paling tajam kepada mana-mana agensi kerajaan semenjak 15 tahun beliau menjadi perdana menteri -- dan sudah tentu kritikan PM ini sepatutnya menggelegakkan minda dalam bilik lembaga TNB di bawah pimpinan Tan Sri Ani Arope.

Mungkin Ani, seperti yang diketahui ramai, adalah antara "gentlemen" terbaik untuk menerajui pentadbiran mana-mana pertubuhan dalam negara ini, tetapi mungkin juga masanya telah tiba bagi beliau mengurangkan percakapan mengenai Pengeluar-pengeluar Tenaga Bebas (IPP) mengambil sebahagian keuntungan TNB, dan sebaliknya membetulkan masalah dalamannya sendiri seperti mewujudkan sistem transmisi yang cekap.

Masalahnya, Malaysia, dengan pembinaan projek hidroelektrik Bakun yang

berkeupayaan mengeluarkan 2,400 megawatt, tidak sepatutnya bergantung kepada sistem transmisi seperti yang ada sekarang.

"Sekiranya ada sistem baru yang akan dapat mengatasi gangguan besar seperti yang baru kita hadapi ini, mengapa tidak mengambilnya," kata seorang penganalisis korporat.

Nampaknya tidak ada apa-apa masalah di antara para eksekutif TNB dengan IPP.

Seorang daripada mereka memberitahu Bernama: "Dahulu kami biasa makan nasi satu pinggan sahaja. Sekarang dengan IPP, kami dipaksa memakan tiga pinggan nasi seorang."

Penganalisis itu juga berkata Leo Moggie perlu bertegas dengan TNB kerana akibatnya terlalu tinggi jika kelemahan dalam sistem transmisi sekarang dibenarkan untuk menunggu satu lagi panahan petir atau kerosakan gear suis.

-- BERNAMA

AU WAT NMO